

B533

MAHATHIR - 3M 金'金'金'

1982

KUALA LUMPUR, 23 JAN. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU DI NEGARA INI SUPAYA JANGAN MENERUSKAN KEGIATAN MEREKA MEMBAKAR PERASAAN TIDAK PUASHATI DI KALANGAN MASYARAKAT CINA BERHUBUNG DENGAN PERLAKSANAAN KURIKULUM 3M DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH.

PERDANA MENTERI MEMBERI AMARAN KERAJAAN AKAN TERPAKSA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA JIKA KEGIATAN-KEGIATAN ITU MENCETUSKAN HURU-HARA DI NEGARA INI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA: +KAMI KENAL ORANG-ORANG INI.+

BELIAU BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGENALPASTIKAN KUMPULAN-KUMPULAN TERSEBUT DAN BERKATA: +BIARLAH MEREKA RUNGSING SENDIRI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR, DENGAN NADA YANG AGAK MARAH, BERKATA KUMPULAN-KUMPULAN TERSEBUT DALAM MENJALANKAN KEGIATAN-KEGIATAN MEREKA SUDAH MULA MENGAITKAN PERLAKSANAAN KURIKULUM 3M ITU DENGAN AKTA PELAJARAN, KHUSUSNYA PERUNTUKAN YANG MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENUKARKAN TARAF SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN.

-- BERSAMBUNG 1455/MK

B538

MAHATHIR - 3M - 2 KUALA LUMPUR 金'金'金'

BELIAU MENEGASKAN SOAL INI TELAH PUN DIBAHASKAN DENGAN PANJANG LEBAR DI DEWAN RAKYAT DAN KERAJAAN TELAH PUN MENJELASKAN IA TIDAK MEMPUNYAI APA JUA CADANGAN HENDAK MENUKARKAN SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN MENERANGKAN KERAJAAN MEMERLUKAN PERUNTUKAN ITU SUPAYA JIKA TERDAPAT PERMOHONAN DARI MANA-MANA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN HENDAK MENUKARKAN TARAFNYA MENJADI SEKOLAH KEBANGSAAN MAKA PERTUKARAN ITU BOLEH DILAKUKAN MENUNJIT UNDANG-UNDANG.

BELIAU BERKATA: +SEBENARNYA SEMENJAK MERDEKA, CUMA SEBUAH SAJA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN YANG DITUKARKAN TARAFNYA MENJADI SEKOLAH KEBANGSAAN.+

SEKOLAH ITU IALAH SEBUAH SEKOLAH TAMIL DI KELANTAN DAN PERTUKARAN ITU DIBUAT ATAS PERMINTAAN SEKOLAH ITU SENDIRI DAN JUGA PARA IBUBAPA KERANA IA TIDAK LAGI MENARIK MINAT PARA PELAJAR.

+SELAIN DARI ITU KERAJAAN TIDAK PERNAH MEMBUAT CADANGAN ATAU SEBARANG USAHA MEMBUAT PERTUKARAN LAIN,+ JELASNYA. -- BERSAMBUNG
1458/MK

B539

MAHATHIR - 3M 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEDANG MEMERHATIKAN KEGIATAN BEBERAPA ORANG TOKOH YANG SENGAJA MEMBANGKIT-BANGKIT ISU PERKAUMAN PERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN KURIKULUM 3M ITU.

BELIAU MENGINGATKAN SEMUA PIHAK BAHAWA ADA ISU-ISU SENSITIF YANG BUKAN SAJA SENSITIF KEPADA KAUM BUMIPUTERA TETAPI JUGA BUKAN BUMIPUTERA YANG TIDAK BOLEH DITIMBULKAN.

+ISU-ISU SENSITIF INI JIKA TERUS DITIMBULKAN BOLEH MENCETUSKAN PERASAAN PERKAUMAN DAN HURU-HARA DI NEGARA INI,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENERANGKAN KEPADA MAJLIS TERTINGGI PARTINYA TENTANG TUDUHAN-TUDUHAN YANG DILEMPARKAN OLEH KUMPULAN-KUMPULAN TERSEBUT TERHADAP KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN KURIKULUM ITU.

+TUDUHAN-TUDUHAN ITU ADALAH TIDAK BENAR KERANA KERAJAAN TIDAK ADA LANGSUNG BERNIAT ATAU PUN MENJALANKAN USAHA MENUKARKAN BAHASA PENGHANTAR DI SEKOLAH-SEKOLAH CINA.+

+MALAH PELAKSANAAN KURIKULUM 3M ITU JUGA TIDAK AKAN MENGUBAH BAHASA PENGHANTAR DI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT. BAHASA PENGHANTAR DI SEKOLAH-SEKOLAH INI AKAN TERUS KEKAL.+

+TETAPI CUMA ARAHAN KEPADA GURU YANG AKAN MENGAJAR KURIKULUM 3M ITU DISAMPAIKAN DALAM BAHASA MALAYSIA DAN INIPUN AMALAN BIASA SEPERTI YANG DILAKUKAN DI MASA-MASA LALU,+ JELASNYA. --

ERNAMA 1504/MK